







[General](#)

UMP unggul pencapaian cemerlang lima bintang

30 July 2018

Kuantan, 17 Julai- UMP berada di landasan terbaik apabila menerima pengiktirafan antarabangsa dengan pencapaian penarafan lima bintang keseluruhan terbaik tahun ini berdasarkan Sistem Penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating 2018 yang dijalankan pihak QS Intelligence Unit iaitu sebuah organisasi pengauditan universiti melalui QS World Ranking yang berpusat di London.

Lebih membanggakan pencapaian lima bintang ini menjadikan UMP satu-satunya universiti teknikal di Malaysia yang mengungguli pencapaian cemerlang di negara ini bersama lima universiti penyelidikan (RU) iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta sebuah universiti swasta, Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Naib Canselor UMP, Profesor Dato Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP mencapai lima bintang dalam kategori pengajaran, kebolehpasaran pekerjaan (GE), pengantarabangsaan, kemudahan (fasiliti), inovasi dan inklusif (kerangkuman) hasil budaya kerja cemerlang seluruh warga universiti. Bagi kategori penyelidikan, universiti ini juga berjaya memperolehi 4 bintang serta mendapat 3 bintang bagi penilaian terhadap kategori Kekuatan Program.

QS Stars adalah sistem penarafan yang memberikan pandangan terperinci mengenai institusi dan universiti bagi membolehkan pelajar serta ibu bapa mengenal pasti institusi pendidikan yang terbaik.

“Pencapaian ini bertepatan dengan aspirasi kegemilangan UMP untuk menjadi universiti teknologi terunggul menjelang 2020 yang bukan sahaja mendapat pengiktirafan setempat tetapi juga antarabangsa. Sistem penilaian ini memberi ruang dan peluang kepada UMP untuk membuat dasar termasuk penetapan dasar penting sekali gus menyemarakkan usaha membangunkan serta memantapkan pencapaian universiti di negara ini,” katanya.

Selain itu, ianya sekaligus membuktikan keupayaan UMP setanding dengan universiti ternama lain dalam dan luar negara. Dalam konteks pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020, universiti ini sentiasa komited untuk menyempurnakan peranan dan tanggungjawab sosialnya selaras dengan agenda Memasyarakatkan Teknologi yang mendasari pelan yang komited untuk membangunkan potensi dan daya saing Universiti ini untuk membawa ilmu pengetahuan dan teknologi ke lapangan masyarakat.

UMP kini berada di landasan terbaik apabila sepanjang tahun ini apabila meraih pengiktirafan lima bintang oleh Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (Setara) 2017, Penarafan Pengumpulan Data Kementerian Pendidikan Tinggi (MyMohes) 2017 serta turut menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan dengan lima bintang berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi tahun 2016.

[View PDF](#)